



PENGGUNA LEBUH RAYA BERPELUANG MEMENANGI BAUCAR BELI-BELAH SEHINGGA RM1,000 APABILA MEMATUHI MY-TTA SEMPENA KRISMAS

Petaling Jaya, 18 Disember 2023:- Seramai 15 pengguna Lebuhraya PLUS yang bertuah berpeluang memenangi baucar beli-belah sehingga RM1,000 setiap seorang apabila mereka mendaftar dan mematuhi My-TTA di dalam Aplikasi PLUS sempena cuti perayaan Krismas dan tahun baharu yang akan datang. Bukan itu sahaja, 100 pengguna lebuhraya juga bakal memenangi mata ganjaran PLUSmiles bernilai RM50 setiap seorang yang boleh ditebus di R&R PLUS yang terpilih.

Menurut Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, “Pengguna yang bercadang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan di antara 22 Disember 2023 hingga 1 Januari 2024 sempena cuti perayaan Krismas dan tahun baharu yang akan datang disarankan supaya merancang perjalanan mereka dengan memilih dan mendaftar waktu perjalanan yang sesuai untuk mereka mula memasuki lebuhraya. Pengguna yang telah mendaftarkan pilihan perjalanan mereka menerusi My-TTA akan mendapat akses maklumat trafik terkini terus ke telefon bimbit masing-masing dan menerima notifikasi berdasarkan destinasi dan tarikh perjalanan yang dipilih.”



Pendekatan secara digital sepertimana yang tertera pada fungsi My-TTA di dalam Aplikasi PLUS ini adalah untuk memberi kemudahan kepada orang ramai untuk merancang perjalanan di samping membantu mengagihkan trafik bagi perjalanan yang lebih lancar dan selesa.



“Inisiatif ini merupakan penambahbaikan kepada jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) yang biasa dikeluarkan oleh PLUS sejak tahun 2007. My-TTA adalah pendekatan secara digital yang lebih mesra pengguna di mana pengguna lebuh raya dapat memilih waktu perjalanan berdasarkan plaza tol masuk dan plaza tol keluar. Melalui My-TTA, pengguna lebuh raya akan dapat melihat paparan tahap keadaan trafik berdasarkan corak perjalanan perayaan musim lalu ke sesuatu destinasi. Oleh itu, pengguna lebuh raya boleh memahami impak tempoh perjalanan berdasarkan waktu yang dipilih,” jelas Datuk Nik Airina.

Waktu-waktu pilihan perjalanan yang disediakan menerusi Aplikasi PLUS tersebut bertujuan mengelakkan kenderaan yang bergerak ke destinasi berlainan daripada terkumpul di satu-satu lokasi di lebuh raya secara serentak, seterusnya meningkatkan kemungkinan berlaku kesesakan di lokasi terbabit.

“Program rintis My-TTA telahpun diperkenalkan oleh PLUS pada cuti perayaan Deepavali yang lalu. Walaupun program rintis My-TTA ini baharu sahaja diperkenalkan, ia telah menerima sambutan yang menggalakkan dan mencatat kadar pematuhan jadual perjalanan sehingga 30 peratus. Oleh itu, kami sangat menggalakkan pengguna lebuh raya supaya

menggunakan My-TTA pada perayaan Krismas ini bagi memudahkan pihak PLUS memperkemas dan memperkukuhkan inisiatif ini untuk pelaksanaan pada musim-musim perayaan yang akan datang. Sama seperti aplikasi lain yang berasaskan kepintaran buatan (Artificial Intelligence), lebih banyak penggunaan dan data, maka ianya akan lebih “pintar” untuk penggunaan yang seterusnya,” kata beliau.

Selain pilihan waktu mula memasuki lebuh raya, Aplikasi PLUS turut menyediakan paparan kamera CCTV keadaan trafik di lokasi-lokasi kritikal di lebuh raya. Aplikasi PLUS juga menyediakan butang SOS untuk bantuan kecemasan, senarai kemudahan R&R atau hentian



Ahli Kumpulan UEM 

KENYATAAN MEDIA

sebelah, kalkulator tol untuk memudahkan pengguna lebih raya mendapatkan maklumat bayaran tol atau berinteraksi dengan Chatbot PUTRI untuk mendapatkan pelbagai maklumat mengenai PLUS.

Aplikasi PLUS boleh dimuat turun secara percuma menerusi Google Play Store (bagi peranti Android), App Store (bagi pengguna iPhone) atau Huawei AppGallery (bagi pengguna Huawei).

-TAMAT-